

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH
SEMPENA
MALAYSIA UNIVERSITY ROBOT COMPETITION (MURoC)
2011**

Teks Ucapan

BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

Naib Canselor

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

pada 27 Februari 2011, di Dewan 2020, Kangar, Perlis.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku
Syed Faizudin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail,
merangkap Tuanku Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia, Tuanku
Hajah Lailatul Shahren Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis
yang juga Tuanku Pro Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku sembah patik mohon diampun,

Adalah patik dengan segala hormat takzimnya, merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli-duli Tuanku mencemar Duli berangkat ke Majlis Perasmian Penutup dan menyempurnakan penyampaian Hadiah sempena Malaysia University Robot Competition (MURoC) 2011 pada hari ini.

Sesungguhnya, perkenan Duli-duli Tuanku hadir mencemar Duli, amat besar ertinya buat patik di UniMAP dan seluruh warganya. Menjunjung kasih yang tidak terhingga diatas cetusan ide Tuanku sehingga terhasilnya MURoC ini dan sokongan tidak berbelah bahagi Tuanku ke atas usaha-usaha mengenegahkan teknologi robot dikalangan para mahasiswa yang pertama kali dianjurkan pada Januari 2010 yang lalu sehingga ke saat ini sememangnya merupakan sesuatu yang tidak ternilai harganya buat kami.

Patik berdoa kepada Allah S.W.T agar Duli – duli Tuanku sentiasa berada dalam keafiatan, bersemayam dengan segala kebesaran dan kedaulatan untuk terus berperanan sebagai lambang keutuhan UniMAP – sebagai payung UniMAP, tempat kami menumpang berteduh di bawah naungan Tuanku. Semoga UniMAP dan warganya yang berada di bawah payung naungan Tuanku, akan dikurnia dan dilimpahkan oleh Allah S.W.T segala

kerahmatan, keberkatan dan kesejahteraan jua hendaknya.

Ampun Tuanku, patik memohon izin dan limpah perkenan Tuanku untuk patik memberi sepatah dua kata kepada para hadirin. Ampun Tuanku.

Yang berusaha pengacara majlis,

Salutation – TBC

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Rakan-rakan Media yang dihormati, seterusnya hadirin dan hadirat yang saya kasihi sekalian.

Selamat Tengahari, Good Afternoon, Saba Hul 'Hair, Maalai Vannakam, Wu An.

Terlebih dahulu marilah kita bersama memanjat kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah sempena Malaysia University Robot Competition (MURoC) 2011 ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penaja emas kita iaitu Microchip Technology, yang merupakan peneraju utama dalam pengawal mikro, analog dan penyelesaian Flash-IP. Seperti yang kita tahu, selain penajaan, pihak Microchip Technology juga bertindak sebagai rakan teknologi eksklusif bagi MURoC 2011.

Terima kasih juga buat 5 anak muda graduan bidang kejuruteraan yang menerbitkan majalah Robot : Head to Toe kerana kesudian menjadi majalah rasmi dan bekerjasama dengan kita dalam penganjuran MURoC 2011 ini.

Untuk pengetahuan para hadirin, majalah terbitan Cytron Technologies inilah yang bertindak mempromosikan MURoC 2011 ini kepada umum. Selain itu, sekalung penghargaan saya berikan kepada Rass Design dan mereka yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam memastikan kelancaran MURoC 2011 ini. Jasa dan pengorbanan anda ini, hanya Allah SWT sahajalah yang dapat membalasnya.

Hadirin sekalian,

Kita berasa bertuah kerana pada kali ini seramai 275 peserta dari 20 institusi pengajian tinggi telah mengambil bahagian. Seperti yang kita tahu, pertandingan ini merupakan antara

pertandingan robotik yang terbesar dan saya mendapat maklumat bahawa setiap pasukan yang bertanding ini telah membawa krew teknikal masing-masing. Dijangkakan keseluruhan yang terlibat dalam pertandingan ini adalah seramai 600 orang yang dibahagikan kepada 41 pasukan. Berikan tepukan yang gemuruh kepada mereka di atas komitmen yang telah diberikan. Tahniah dan syabas.

Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada para pemenang dan saya berharap agar ini akan menjadi satu titik tolak kepada lebih banyak penciptaan robotik di kalangan mahasiswa sekalian. Sudah semestinya menjadi adat pertandingan, jika adanya kemenangan, pasti juga kan ada kekalahan. Namun saya tidak melihat itu sebagai satu kekurangan dan saya berharap kepada mereka yang tidak merangkul kemenangan pada hari ini supaya tidak berputus asa. Kalah tidak semestinya tidak bagus. Walaupun penciptaan anda kali ini tidak berjaya memikat hati juri, namun saya percaya dan yakin bahawa setiap penciptaan tersebut adalah yang terbaik dan hasil dari kesungguhan tidak berbelah bahagi di antara anda sekalian. Oleh itu, tingkatkan lagi usaha anda dan jadikan MURoC ini sebagai satu medan menuntut ilmu yang tiada berpenghujung.

Hadirin sekalian,

Dahulu, jika disebut ROBOTIK... pasti ramai yang berkerut dahi memikirkan kepentingan teknologi robotik kepada manusia. Namun kini, kebanyakan negara maju di dunia telahpun dikuasai oleh teknologi robotik ini bagi memudahkan urusan seharian mereka. Walaupun pengenalan teknologi ini masih baru di Malaysia, namun sasaran untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 harus menjadikan kita lebih kreatif dan inovatif dari sudut penguasaan teknologi robotik ini.

Atas kesedaran itulah, maka diharap agar melalui pertandingan sebeginilah yang akan melahirkan penyelidik muda menggunakan kreativiti dalam menghasilkan pelbagai penciptaan baru yang mungkin akan menghiasi tempat kerja atau rumah kita kelak.

Walaupun sering berlegar di benak fikiran, mampukah Malaysia mencipta robot...? saya secara peribadi yakin bahawa kita Malaysia mampu mencipta robot tetapi... proses pembelajaran itu haruslah bermula dari sekarang dan tidak terhenti di separuh jalan. Seperti yang kita tahu, dewasa ini, manusia semakin sibuk dengan pelbagai perkara. Kita bergerak pantas untuk melaksanakan sesuatu dengan harapan agar tidak ketinggalan di belakang. Dalam kekalutan mengejar masa, kadang kala manusia menjadi cuai dan alpa dalam melaksanakan perkara-perkara yang lain.

Jadi saya rasa, tidak salahnya jika satu masa nanti teknologi robotik yang sedang kita terokai sekarang dan bakal menguasainya dalam masa beberapa tahun lagi akan bertindak membantu manusia dengan menggantikan kerja-kerja 'ringan' manusia seperti pengendalian mesin di kilang-kilang, rumah dan pejabat. Tetapi harapan saya agar tidaklah sehingga menggantikan manusia secara keseluruhannya sehingga hilang pula fungsi seseorang manusia itu. Saya yakin tidak lama lagi Malaysia akan menguasai teknologi robotik dan saya mohon sokongan pelbagai pihak mengenai perkara ini. Marilah kita bersama membawa Malaysia kearah negara maju yang menguasai pelbagai ilmu mencakupi penciptaan menggunakan teknologi robotik.

Hadirin sekalian,

Rasanya cukuplah setakat ini sahaja kali ini. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada tengahari ini, izinkan saya untuk menyampaikan dua rangkap pantun....

**MURoC 2011, hampir kepenghujung,
Cuma menanti, penyampaian hadiah sahaja,
Harapan saya, tinggi menggunung,
Silaturrahim terjalin, berkekalan selamanya.**

**Kalah dan menang, adat pertandingan,
Ciptalah lagi, janganlah jemu,
Tahun hadapan, MURoC 2012 membuat perbandingan,
Semoga kita kembali bertemu.**

Ampun Tuanku sembah patik mohon diampun,

Sekian sahajalah ucapan patik pada tengahari ini. Bagi mengakhiri ucapan patik ini, patik bagi pihak Universiti Malaysia Perlis sekali lagi merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Tuanku merasmikan Majlis Perasmian Penutup dan menyempurnakan Penyampaian Hadiah sempena Malaysia University Robot Competition (MURoC) 2011 ini.

Ampun tuanku. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih.